

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
TAHUN 2020**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI
SALLEH [PASIR PUTEH]**

SOALAN

DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH [PASIR PUTEH] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik pengangguran mengikut bidang dan apakah inisiatif di bawah **PENJANA** yang menjamin penurunan kadar pengangguran secara langsung kepada rakyat Malaysia keseluruhannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Umum mengetahui kesan pandemik COVID-19 telah mengubah lanskap ekonomi serta pasaran pekerjaan. Malaysia tidak terkecuali daripada menerima impak tersebut yang mengganggu-gugat ekosistem penyaluran bakat negara.

2. Data terkini oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan bahawa kadar pengangguran Malaysia menurun kepada 4.9% pada Jun 2020 (berbanding 5.3% pada Mei 2020). Jumlah penganggur pada Jun 2020 meningkat 48.3% kepada 773,200 orang (berbanding 521,400 orang pada bulan sama tahun lalu). Penutupan operasi bagi sebahagian besar perniagaan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilanjutkan hingga kini telah memberi kesan kepada kehilangan pekerjaan dan menyebabkan pencari kerja merasakan sukar untuk mendapatkan pekerjaan.

Tuan Yang Di Pertua,

3. Kerajaan menyedari akan kesan pandemik COVID-19 ke atas pasaran buruh. Sehubungan itu, Kerajaan telah melaksanakan pakej-pakej rangsangan ekonomi seperti Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), PRIHATIN PKS TAMBAHAN. Pelaksanaan pakej rangsangan ekonomi ini berjaya menyelamatkan lebih 2.4 juta pekerjaan, mengurangkan beban aliran tunai hampir 11 juta rakyat serta memberi sokongan kepada lebih 300 ribu syarikat. Pelaksanaan Pakej PRIHATIN dan PRIHATIN TAMBAHAN masih berterusan pada masa ini. Sehingga 30 Jun 2020, penduduk bekerja yang tidak bekerja buat sementara waktu telah berkurang lebih daripada 65 peratus kepada 768,000 ribu orang berbanding bulan Mei 2020 sebanyak 2.27 juta orang. Golongan ini, yang berkemungkinan besar tidak dapat bekerja dari rumah tidak dikategorikan sebagai penganggur kerana mereka mempunyai pekerjaan dan akan kembali bekerja semula.

SOALAN NO: 347

4. Antara langkah segera Kerajaan dalam menangani isu pengangguran akibat pandemik Covid-19 ini adalah memperkenalkan Program Subsidi Upah (PSU) bertujuan untuk membantu majikan dalam semua perusahaan yang terkesan daripada segi ekonomi akibat wabak COVID-19 supaya mereka dapat meneruskan operasi syarikat dan tidak memberhentikan pekerja. Peka dengan maklum balas pelbagai pihak khususnya Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) serta perniagaan kecil atau mikro yang memohon agar kadar bantuan subsidi dipertimbangkan semula, Kerajaan telah memberi peruntukan tambahan menerusi PRIHATIN PKS TAMBAHAN bagi meringankan beban kewangan ditanggung majikan pada 6 April 2020.

5. Antara inisiatif lain yang dilaksanakan oleh Kementerian adalah:

- (i) Program Pengekalan Pekerjaan (ERP) melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO);
- (ii) pengecualian pembayaran levi di bawah Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) 2001 [Akta 612] bagi semua 63 sub-sektor industri selama 6 bulan mulai 1 April 2020; dan
- (iii) perlanjutan tempoh penangguhan bayaran balik pinjaman PTPK kepada semua peminjam untuk tempoh tiga (3) bulan lagi mulai 1 Oktober 2020 sehingga 31 Disember 2020. Penyambungan Penangguhan ini melibatkan anggaran jumlah bayaran balik RM70 juta. Ini bermakna anggaran jumlah bayaran balik Pinjaman Latihan Kemahiran yang ditangguhkan adalah sebanyak RM220 juta dan memberikan manfaat kepada 178,906 orang peminjam.

6. Pada 5 Jun 2020, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA). Menerusi PENJANA pula, Kementerian terlibat dalam pelaksanaan 5 inisiatif daripada 11 inisiatif memperkasakan rakyat melalui PERKESO dan PSMB iaitu:

- (i) Program Subsidi Upah
- (ii) Menaik Taraf Portal Perkhidmatan Pekerjaan Negara
- (iii) Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan
- (iv) Perlindungan Sosial dan Latihan bagi Pekerja Ekonomi Gig
- (v) Insentif Pengaturan Kerja Fleksibel

7. Kementerian telah melancarkan Inisiatif PENJANA HRDF pada 22 Jun 2020 oleh YB Menteri Sumber Manusia. Salah satu skim daripada inisiatif tersebut adalah *Place & Train* yang memberi jaminan penempatan pekerjaan setelah pelatih menamatkan latihan. Kumpulan sasar yang akan dilatih meliputi golongan graduan dan pelajar lepasan sekolah yang akan mengurangkan isu pengangguran dalam kalangan belia. Selain itu, bagi menyelesaikan isu pengangguran disebabkan oleh pandemik COVID-19, pekerja yang diberhentikan turut mendapat manfaat daripada skim ini dan sekaligus mampu mengurangkan kadar pengangguran secara langsung kepada rakyat Malaysia secara keseluruhannya. Dijangkakan seramai 40 ribu rakyat Malaysia untuk mendapat beroleh manfaat dari inisiatif ini dan mempuyai peluang pekerjaan dalam tempoh masa 12 bulan.

8. Insentif Pengambilan Pekerja (PenjanaKerjaya) pula diperkenalkan menerusi PERKESO yang bertujuan untuk membantu sektor perniagaan yang terjejas oleh kesan ekonomi COVID-19 dan pelaksanaan MCO.

9. PenjanaKerjaya mempromosikan penciptaan pekerjaan di kalangan majikan, sambil meningkatkan prospek pekerjaan di kalangan bakat Malaysia. Insentif pengambilan bertujuan untuk menyokong majikan dengan memberikan insentif kewangan untuk majikan yang mengupah bakat tempatan termasuk kumpulan kurang diwakili seperti Orang Kurang Upaya. Selain daripada mendapatkan insentif, peruntukan untuk program latihan pengisian tenaga kerja atau peningkatan kemahiran juga disediakan untuk pekerja yang baru dilantik. Selain itu, insentif Mobiliti juga diberikan

kepada pekerja yang harus berpindah untuk menerima pekerjaan yang ditawarkan.

10. Manakala PSU telah dilanjutkan selama enam bulan dengan majikan yang menerima subsidi dibenarkan melaksanakan minggu kerja yang dikurangkan dengan pengurangan gaji untuk pekerja mereka. Ini diharapkan dapat membantu perniagaan terutamanya perusahaan mikro untuk mengekalkan perniagaan mereka tanpa memberhentikan pekerja mereka dalam tempoh pemulihan ekonomi.

11. Kerajaan juga menubuhkan 2 jawatankuasa khas iaitu pertama, Jawatankuasa Khas Pekerjaan Nasional untuk menyelaraskan dan memantau pelaksanaan kesemua inisiatif berkaitan pekerja di bawah PENJANA. Jawatankuasa itu akan dipengerusikan bersama oleh Menteri Kewangan dan Menteri Sumber Manusia dengan dianggotai wakil-wakil daripada sektor swasta dan sektor awam yang berkaitan. Di samping itu, Jawatankuasa Peluang Pekerjaan Anak Muda yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, dan Jawatankuasa Kerja Peluang Pekerjaan Anak Muda yang dipengerusikan bersama oleh Menteri Sumber Manusia dan Menteri Belia dan Sukan akan menyediakan strategi bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan serta melihat kepada isu-isu berkaitan penciptaan peluang pekerjaan dan keusahawanan di kalangan graduan dan belia khususnya.

Sekian, terima kasih.